

**KERASULAN - DIPANGGIL. DIPILIH. DIUTUS**

**KERTAS RENUNGAN K.E.D. - BULAN JULAI. 2014**

**DIPIILIH UNTUK MENERIMA FIRMAN TUHAN**

**FOKUS**

Dipilih untuk menjadi 'tanah subur\* - mendengar, menerima Firman Tuhan dan memberikan hasil melalui kata-kata dan perbuatan-perbuatan.

**NYANYIAN PEMBUKAAN:**                    **"SPEAK O LORD"** (dinyanyikan dua kali)

*Speak, O Lord. For Your servants here Speak  
living words, touch our hearts Speak Your  
word and we shall be healed Open our minds,  
guide our steps.*

**DOA PEMBUKAAN**

(Semua anggota BEC digalakkan untuk **berdoa** secara bebas, diikuti dengan doa yang tersedia di bawah).

Tuhan yang maha Penyayang dan Pengampun, kami memang ingin untuk berserta-Mu tetapi hasrat kami ini biasanya tidak tercapai kerana dosa-dosa kami. Sememangnya, kami tidak layak menerima penyelamatan abadi kerana usaha kami yang begitu lemah. Ya, Bapa Kami di Syurga, kami benar-benar percaya bahawa kehidupan kekal hanya dapat diterima atas jasa Yesus, Putra-Mu. Oleh itu, kami amat bersyukur kerana memilih kami dan menghantar kami ke ladang anggur. Ya Tuhan, terima kasih juga atas sikapMu yang sedia memahami dan mengampuni kami walaupun kami sepatutnya dihukum. Roh Kudus, bangkitkanlah semangat ingin berbuat baik dan suka pada kecantikan Tuhan yang terlihat dalam perkara-perkara yang kita alami setiap hari. Doa ini kami ucapkan atas nama Putra-, Yesus Kristus, Tuhan kami. Amin.

**1) LIHAT KEPADA KEHIDUPAN**

Apabila Karen mendapati dirinya hamil, dia pun berbuat apa sahaja yang perlu sebagai seorang ibu yang baik untuk membantu anak lelakinya yang hanya berumur tiga tahun menghadapi perubahan dan kehidupan di rumah. Sehari demi sehari, semalam demi semalam, Michael menyanyi kepada adiknya yang masih dalam tubuh ibunya. Dengan itu, Michael sudah mula menjalin hubungan cinta kasih dengan adiknya walaupun belum dapat melihatnya. Karen, seorang Kristian yang salih, tidak menghadapi sebarang masalah semasa mengandung. Tidak lama lag! tibalah masanya untuk bersalin. Karen menghadapi kesakitan yang amat teruk. Berjam-jam lamanya dia bergelut dengan kesakitan itu dan akhirnya, dengan susah payah, adik Michael dilahirkan.

Malangnya bay! itu terpaksa dikejar ke hospital Santa Maria, Knoxville, Tennessee dengan ambulans kerana mengalami komplikasi yang serius. Selepas dirawat beberapa hari, adik

Michael masih sakit, bahkan keadaannya bertambah serius. Menurut pakar doctor yang merawatnya, harapan bayi itu untuk sembuh sangat tipis dan ibubapanya disediakan untuk menerima berita yang buruk mengenai anak mereka. Oleh itu, mereka terus berusaha untuk mencari tapak pengebumian bagi anak mereka. Sebenarnya mereka telah menyediakan sebuah bilik khas untuk bayi baru mereka. Memang di luar sangkaan mereka bahawa mereka terpaksa membuat persediaan untuk upacara pengebumian.

Walau bagaimana pun. Michael tidak berhenti merayu kepada ibunya supaya dibenarkan melihat adik perempuannya. Kata Michael, "Aku 'nak menyanyi untuk adik." Rayuannya ditolak kerana, menurut peraturan hospital, kanak-kanak dilarang memasuki bilik kecemasan. Oleh sebab Michael tiada henti-henti merayu, ibunya pun berlembut. Katanya dalam hati, "Jika Michael tidak melihat adiknya sekarang juga, besar kemungkinan dia tidak akan berpeluang melihat dia ketika dia masih hidup." Seterusnya, Michael dibawa masuk ke bilik kecemasan untuk melawat adiknya dengan berpakaian 'sut skrub' yang amat longgar. Seorang ketua jururawat yang sedang bertugas memekik sekuatnya apabila melihat Michael - "Keluarkan budak kecil ini dari sini sekarang juga. Kanak-kanak dilarang masuk ke bilik ini!" Karen, yang biasanya bersifat lemah lembut, kini memerhati jururawat itu dengan pandangan yang tajam lalu berkata, "Anakku tidak akan keluar dari sini selagi dia belum menyanyi kepada adiknya!" Selepas ini, Karen membawa Michael ke tepi katil adiknya.

Michael memerhati bayi yang bertubuh kecil itu bergelut dengan maut dan mula menyanyi,

*"Engkau ialah sinaran matahariku, sinaran matahariku hanyalah kau.  
Engkau membuatku gembira bila langit mendung."*

Tiba-tiba bayi perempuan itu kelihatan seolah-olah hendak member! respons. Kadar denyutan nadinya mula menjadi tenang dan stabil. 'Terus menyanyi Michael' kata Karen dengan air mata bergenang.

*"Engkau tak'kan mengetohui, sayang, betapa banyak ku cintaimu.  
Janganfah bawa pergi sinaran matahariku."*

Setakat ini, pernafasan adiknya semakin licin seolah-olah bunyi "purr" seekor anak kucing. "Terus menyanyi, sayang" kata ibunya.

*"Wo/am tadi sedang ku tidur, ku mimpi ku peluk mu."*

Saat ini adik Michael kelihatan tenang dan selesa. 'Terus menyanyi Michael', kata ibunya. Air mata mula mengalir di pipi ketua jururawat yang suka mengarah itu. Muka Karen kelihatan berseri.

*"Engkau ialah sinaran matahariku, sinaran matahariku hanyalah kau."*

Pada hari berikut, keadaan bayi perempuan itu baik sekali dan dia dibenarkan pulang.



(Cerita benar ini berlaku di Tennessee, USA, pada tahun 1992. Nama bayi perempuan itu ialah Marlee (gambar atas). Menjelang 2013, Marlee sudah berumur 21 tahun. Marlee percaya dia normal seperti budak-budak tain).

### RENUNGAN

Seorang anak lelaki telah dipilih untuk menyambut adik perempuannya. Dia juga memainkan peranan penting dalam menyelamatkan adiknya, Fikirkanlah tentang sesuatu yang kamu dipilih untuk menerima (bakat, kemahiran, kebolehan atau sifat kebaikan) sebagai alat yang dipergunakan untuk kepentingan orang lain dalam hidup ini.

### **2) DENGAR FIRMANTUHAN: MARKUS4:3-8**

"Dengarlah! Adalah seorang penabur keluar untuk menabur. Pada waktu ia menabur sebagian benih itu jatuh di pinggir jalan, lalu datanglah burung dan memakannya sampai habis. Sebagian jatuh di tanah yang berbatu-batu, yang tidak banyak tanahnya, talu benih itupun segera tumbuh, kerana tanahnya tipis. Tetapi sesudah matahari terbit, layulah ia dan menjadi kering kerana tidak berakar. Sebagian lag! jatuh di tengah semak duri, lalu makin besarlah semak itu dan menghimpitnya sampai mati, sehingga ia tidak berbuah. Dan sebagian jatuh di tanah yang baik, ia tumbuh dengan suburnya dan berbuah, hasilnya ada yang tiga puluh kali lipat, ada yang enam puluh kali lipat, ada yang seratus kali lipat."

### **RENUNGAN**

Cerita ibarat Yesus tentang seorang penabur merupakan salah satu cerita ibarat yang lebih terkenal dari yang lain. Dengan mudah kita mengidentifikasikan penabur dengan Yesus, dan benih-benih dengan pengajaran-Nya. Benih-benih ditaburkan dengan cara sembarangan. Kebanyakan daripada benih-benih itu tidak berhasil kecuali yang terjatuh di atas tanah yang baik. Sebarang petani boleh mengaku akan pentingnya tanah yang subur sebagai sumber nutrient bagi pertumbuhan pokok-pokok. Dan bagaimana pula pokok-pokok mendapat makanan dari air yang diperlukan kecuali dengan akar-akarnya.

Kitab Bible sering menggunakan imej tumbuh-tumbuhan yang berbuah untuk memberi erti prinsip kehidupan spiritual dan maut. Cerita ibarat penabur Yesus ditujukan kepada pendengar-pendengar firman-Nya. Cara mereka menerima Firman Tuhan berbeza-beza dan begtu juga tentang hasil yang didapati. Misafnya seseorang pendengar yang berprasangka akan memekakkan telinganya terhadap sebarang pengajaran yang bertentangan dengan pendapatnya. Terdapat juga pendengar yang berfikiran cetek. Pendengar ini tidak ambil peduli dan tidak ada keyakinan. Satu lag! jenis pendengar ialah orang yang suka mengikuti kehendak

hati sehingga lupa akan perkara-perkara yang penting seperti berdoa dan merenungkan Firman Tuhan. Akhir sekali, terdapat pendengar yang berfikiran luas. Pendengar jenis ini bersifat rendah hati, dan sedia melapangkan masa untuk mendengar dan mempelajari sehingga cukup faham. Tuhan mencurahkan rahmat ke atas mereka yang dahaga akan FirmanNya supaya mereka dapat memahami kehendak-Nya dan mempunyai kekuatan untuk hidup selaras dengan kehendak-Nya itu.

### **SOALAN UNTUK "SHARING"**

Adakah kamu dahagakan Firman Tuhan ? Kalau ada, nyatakan tindakan-tindakan yang telah kamu ambil untuk melayani kehendak ini.

### **3) HIDUP DALAM CINTA KASIH**

Pilihlah 3 hari dalam bulan Julai untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut:-Hari

#### **Pertama**

Galakkan semua anggota-anggota K.E.D. supaya mendermakan makanan dan minuman dalam tin. Kemudian sediakan tiga buah hamper untuk diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang tua-tua dan sebagainya. Lebih kurang 4 atau 5 orang akan menghantar hamper-hamper tersebut kepada tempat-tempat berkenaan.

#### **Hari Kedua**

Lapangkan sedikit masa (10 minit) untuk membaca petikan Injil hari berkenaan. Selepas ini senyap 2 minit untuk merenungkan petikan tadi. Kemudian doakan satu decad dari Rosari. Akhiri sesi pendek ini dengan doa berikut:-

Bapa di Syurga, aku di sini kerana aku perlu bersama-Mu. Aku di sini kerana hanya Engkau yang boleh member! aku rahmat supaya fikiran ku tenang, dan aku sanggup perlakukan kehendak-Mu untuk orang lain. Doa ini aku ucapkan atas nama Yesus Kristus, Tuhan kami. Amin.

#### **Hari Ketiga**

Sediakan 15 minit untuk berdoa bersama-sama keluarga kamu. Mulakan sesi doa dengan membaca petikan-petikan Alkitab dan mazmur untuk hari berkenaan, diikuti dengan renungan bacaan-bacaan tadi (rujuk kepada buku-buku renungan Katolik seperti *Shalom*, *The Word Among Us* dan sebagainya).

Selepas ini, anggota-anggota keluarga akan ucapkan doa permintaan diikuti dengan doa 'Bapa Kami'. Akhirnya semua anggota keluarga akan membuat keputusan untuk membantu satu keluarga Katolik dalam paroki yang miskin dan serba kekurangan.

### **DOA PENUTUP**

(Semua anggota K.E.D. digalakkan untuk berdoa secara spontan, diikuti dengan doa berikut).

Bapa di Syurga, kepercayaan kepada Firman-Mu membawa kepada kebijaksanaan dan renungan terhadap rancangan-Mu membawa kepada perkembangan dalam iman. Ya Tuhan, bukalah mata-mata ku untuk mengamati jasa-jasa-Mu, dan telinga-telinga ku untuk

*mendengarj panggilan-Mu. Dengan itu dapatlah aku memahami kehendak-Mu untuk kehidupanku dan hidup menurutnya. Doa ini aku ucapkan atas nama Yesus Kristus, Tuhan kami. Amin.*

**NYANYIAN PENUTUP:            "SONG OF GOOD NEWS \***

God has spoken to His people. Alleluia! And His words  
are words of wisdom. Alleluia!

1) Open your ears O Christian people, open your ears and hear Good News Open  
your hearts O royal priesthood, God has come to you.

2) He who has ears to hear His message, he who has ears then let him hear He who  
would learn the way of wisdom, let him hear God's Word.